

**KEPUTUSAN JAWATANKUASA PERUNDING HUKUM SYARA' (FATWA)  
NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN MENGENAI  
PEMBAHARUAN DAN PELAKSANAAN AGIHAN MODAL.**

**1. TAJUK PERSOALAN**

Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (Fatwa) Negeri Selangor telah diminta untuk mempertimbangkan dan meluluskan pelaksanaan pendekatan baru dalam sistem agihan modal.

**2. LATAR BELAKANG**

2.1 Agihan bantuan modal mula diperkenalkan sejak awal tahun 1415H dalam bidang perniagaan, perusahaan kecil, pertanian dan perikanan.

2.2 Agihan modal dikhususkan kepada asnaf fakir, miskin dan muallaf yang produktif dengan kadar bantuan antara RM 1,000.00 hingga RM 5,000.00.

2.3 Agihan modal diberi dengan percuma dan dilaksanakan samaada secara individu, perkongsian sesama pemohon atau perkongsian syarikat.

2.4 Berdasarkan pengalaman dari tahun-tahun lepas dimana program bantuan modal tidak mencapai matlamat agihan, maka suatu pembaharuan dalam pelaksanaan sistem agihan modal amat diperlukan bagi menjamin kejayaan projek dan mampu mengubah sikap peserta projek ke arah usahawan berjaya.

**3. CADANGAN PELAKSANAAN AGIHAN MODAL**

3.1 Pusat Agihan Zakat bercadang untuk melaksanakan agihan modal yang terkini melalui cara seperti yang disebut dibawah ini :

3.1.1 Sebahagian daripada agihan modal yang diperuntukkan diberi kepada pemohon secara percuma.

- 3.1.2 Sebahagian lagi modal yang diperuntukkan kepada pemohon mestilah dibayar kembali secara beransur-ansur pada setiap bulan.
- 3.2 Bayaran yang dibayar oleh pemohon akan direkodkan pada setiap kali pembayaran mengikut daftar penerima agihan modal yang berbayar.
- 3.3 Pembayaran balik modal pinjaman ini hendaklah dianut pada setiap minggu atau bulan selama tiga hingga lima tahun mengikut kadar pinjaman dan jangkaan pendapatan.
- 3.4 Kesemua wang pembayaran tersebut kemudiannya akan dimasukkan ke akaun Tabung Haji atau akaun pelaburan yang dibenarkan di atas penama penerima agihan modal masing-masing.
- 3.5 Peserta yang terlibat dalam program tersebut hanya akan berkuasa penuh atas simpanan dan pelaburannya setelah 3 tahun daripada tempoh pembayaran itu tamat.
- 3.6 Wang simpanan dan pelaburan fakir, miskin dan muallaf tersebut akan dikenali sebagai Dana Amanah Fakir, Miskin dan Muallaf (DAM) yang dikendalikan sepenuhnya oleh kakitangan PAZ.

#### **4. ASAS PERTIMBANGAN**

- 4.1 Golongan fakir miskin adalah golongan manusia yang amat rendah tahap daya usahanya. Mereka lebih gemar untuk menadah tangan dan menarik simpati orang ramai lebih-lebih lagi bila pelbagai pertubuhan menghulurkan bantuan kepada mereka. PAZ merasakan perlu adanya satu usaha untuk membimbing dan menanamkan sifat jatidiri kepada mereka sehingga mereka mampu membebaskan diri dari belenggu kefakiran.
- 4.2 Kadar agihan sebelum ini adalah kecil dan berbentuk percuma. Keadaan ini telah membawa mereka bersikap sambil lewa dan tidak bersungguh-sungguh.

Dengan perubahan cara agihan ini, dapatlah menanamkan sifat tanggungjawab pada diri mereka untuk melunaskan kembali pinjamannya disamping merangsang keyakinan terhadap kebolehan diri sendiri.

- 4.3 Setelah tamat tempoh bayaran balik, wang tersebut akan dilaburkan semula selama sekurang-kurangnya tiga tahun dan hasil dari pelaburan ini akan kembali kepada pemohon sebagai wang tabungan pada masa hadapan. Wang tersebut juga boleh digunakan untuk membesarkan projek yang dijalankan. Dengan itu masalah kekurangan modal dapat diatasi dan peluang untuk mencapai kejayaan adalah lebih besar dan cerah.

## **5. PERBINCANGAN DAN KEPUTUSAN**

Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (Fatwa) Negeri Selangor telah membincangkan perkara di atas dengan penuh teliti serta mengikut hukum yang mu'tabar dan mengambil keputusan seperti berikut:

**“ Mesyuarat Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (Fatwa) Negeri Selangor yang diadakan pada 23 Mac 1998 memutuskan untuk bersetuju dan menerima dengan pembaharuan pelaksanaan agihan modal melalui konsep bayar semula separuh peruntukan agihan modal dalam Dana Amanah Fakir/Miskin dan Muallaf (DAM) ”.**